

Jilid 1, 2011



Informika

JURNAL

peradaban informasi dan ilmu

Tema : Perpustakaan Pemangkin Peradaban

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (*Ketua*)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (*Timbalan Ketua Editor*)

Editor Pelaksana

Hasnah Hashim
Husain Hashim
Mohd Jailani Paiman
Mohamad Noorman Masrek
Mohd Sazili Shahibi
Siti Arpah Noordin
Zulkefli Mohd Yusop

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – *Universiti Teknologi MARA*

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – *International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia*
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan – *Universiti Pendidikan Sultan Idris*
Prof. Dr. Ding Choo Ming – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah – *Universiti Malaya*
Dr. Roosfa Hashim – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Dr. Wan Ali Wan Mamat – *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-7962 2020 Faks.: 03-7962 2007)

Harga: RM20.00 (Malaysia)
USD20.00 (Luar Negara)

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Kandungan

Perpustakaan Pemangkin Peradaban <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	1-12
Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak <i>Ding Choo Ming</i>	13-26
Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat <i>Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh</i>	27-36
Kredibiliti Maklumat Digital dari Internet <i>Mohd Sazili Shahibi, Hasnah Hashim, Juwahir Ali dan Muhamad Khairul Nizam Zaini</i>	37-44
Keberkesanan Institusi Masjid dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes <i>Rosnita Sahrani, Imilia Ibrahim dan Valentino Abu Bakar</i>	45-52
Epistimologi Ilmu dalam Islam: Asas Falsafah Pengurusan Ilmu dan Maklumat <i>Yaacob Yusoff Awang dan Mohd Zafian Mohd Zawawi</i>	53-62
Pengurusan Rekod dan Undang-Undang <i>Abdul Rahman Ahmad, Khairul Mizan Taib dan Ahmad Nazri Mansor</i>	63-74
Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Rekod Elektronik <i>Azman Mat Isa dan Aliza Ismail</i>	75-90
Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0 <i>Zulkefli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim</i>	91-102
Faktor-faktor Kesedaran Terhadap Perpustakaan Digital di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia <i>Razilan A. Kadir, Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mohd Sazili Shahibi dan Diljit Singh</i>	103-120
Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan <i>Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md Dahlal</i>	121-136
Kompetensi untuk Profesional Maklumat di Zaman Masyarakat Bermaklumat <i>Ahmad Azman bin Mohamad Ramli</i>	137-146
Keterpesonaan Terhadap Perpustakaan: Belajar dari Catatan Sejarah <i>Shaharom TM Sulaiman dan Wan Ab. Kadir Wan Dollah</i>	147-149

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 1 (2011) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library science - Malaysia - Periodicals.
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II. Z671

@ 2011 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Iftitah Editor

Para pemikir dan futuris telah pun meramalkan dan akan terus meramal, bahawa abad ini dan abad mendatang akan diwarnai oleh informasi. Inilah abad yang dilabel *information revolution, information exchange, information as commodity* dan berbagai lagi slogan berkaitan yang merentas peradaban manusia.

Peradaban manusia diwarnai oleh ilmu dan informasi yang bermakna, yang memberi erti kepada peradaban itu sendiri. Dalam peradaban ini, penguasaan ilmu dan informasi menjadi aktiviti utama sama ada pengurusan, perolehan, pengumpulan, penyebaran, penyusunan, dan apa sahaja yang memberi erti informasi berguna kepada masyarakat dan peradaban itu sendiri.

'*Informika*' lahir dari keinginan besar untuk memberi makna kepada ilmu dan informasi yang manfaat kepada masyarakat, sarjana, intelektual, pustakawan, pekerja ilmu, pekerja maklumat dan karyawan. Pokoknya, segala profesi dan bidang kerjaya maklumat ilmu dan informasi mendapat tempat yang sewajarnya. '*Informika*' berminat dengan segala permasalahan ilmu dan informasi. Atau dengan kata lain, jurnal ini ingin membuka seluas-luasnya gerbang ilmu dalam sains informasi kepustakawanan, pengurusan sistem dan rekod, dunia buku dan penerbitan, manuskrip dan koleksi khas, komunikasi dan media, hatta pengajian masa depan (*future studies*) turut mendapat tempat. Itulah hal-hal yang mewarnai peradaban informasi, yang telah dilalui, sedang dilalui dan akan terus dilaluinya. '*Informika*', berkeinginan besar untuk menjadi jurnal berwasit dunia informasi berbahasa Melayu yang dihormati, disegani di rantau DUNIA MELAYU ini.

Untuk itu, '*Informika*' mengundang para pemikir, sarjana, pustakawan, pakar maklumat, pakar media dan komunikasi, para penyelidik termasuk 'orang-orang kecil' yang berminat dengan '*Informika*' ini untuk menyumbang pandangan. Dengan kata lain, '*Informika*' berharap akan menjadi wadah dan suara bicara. Untuk itu, '*Informika*' sedia dikritik, ditegur kerana itu sebahagian dari proses yang akan memamatkan kelangsungan *Informika: Jurnal Peradaban Informasi*.

Dalam keluaran sulung ini, '*Informika*' memfokuskan tema 'Perpustakaan Pemangkin Peradaban'. '*Informika*' terpenggil untuk mengajak para pembaca menghayati kembali semangat leluhur sebuah tradisi yang telah sejak berabad dan berzaman mencemerlangkan dan mencerdaskan peradaban manusia tanpa henti dan jemu. Itulah sebuah tradisi mulia yang tidak pernah 'mati' dan akan terus 'hidup', iaitu sebuah tradisi bernama 'perpustakaan dan kepustakawanan'.

Apa tidaknya, dalam 'rahim' perpustakaan, lahirlah pustakawan 'par excellence' sekaligus menjadi ilmuwan tersohor, saintis, matematikawan, failasuf. Nama-nama cemerlang seperti Musa Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Mohammed Khatami, sebagai contoh, lahir dari tradisi gemilang tersebut. Mereka bukan pustakawan yang 'teknis' dan 'rutin' dengan kerja-kerja mekanistik maklumat tetapi seorang yang berilmu sekaligus seorang sarjana. Mana mungkin sebuah tradisi yang hebat hanya disertai oleh mereka yang tidak ada 'pilihan kerjaya', tidak mencintai ilmu, buku dan wacana tinggi. Dengan kata lain, kita memerlukan sebuah perspektif holistik dalam membentuk citra 'Pekerja ilmu' dan 'Pekerja Maklumat' yang mewarisi tradisi perpustakaan hari ini.

Perpustakaan sebenarnya adalah 'roh' peradaban. Kerana itulah dalam sejarah penaklukan dunia, bangsa Monggol membakar dan menjarah Perpustakaan-perpustakaan

di Baghdad, bangsa Rom menjarah Perpustakaan Iskandariah di Mesir, perpustakaan tertua dunia yang menyimpan jutaan 'papyrus' warisan leluhur manusia, bangsa Serb menjarah Perpustakaan Sarajevo yang menyimpan lima ribu manuskrip dalam bahasa Parsi, Arab, Russia dan Turki; kerana semua bangsa penakluk tahu untuk membunuh kelangsungan bangsa yang ditakluknya ialah dengan memusnahkan perpustakaan kerana di dalamnya terkumpul khazanah keintelektualan sesebuah bangsa. Itu cara terbaik untuk 'melenyapkan' sebuah bangsa dan identitinya. Perpustakaanlah yang memberi makna pada peradaban itu sendiri dan bukannya 'artifak', bangunan besar, kerana dalam perpustakaan tercermin segala khazanah kebijaksanaan, kebijakan, keilmuan dan keintelektualan manusia. Benarlah kata Samuel Johnson, seorang pemikir Amerika, *'No place affords a more striking conviction of the vanity of human hopes than a library'*. Esei oleh Abu Hassan Hasbullah dan Ding Choo Ming dalam keluaran sulung *'Informika'* ini membuktikan dan merefleksikan kecemerlangan tradisi tersebut.

SELAMAT MEMBACA!

Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak

Ding Choo Ming

Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, MALAYSIA
E-mel: dingukm@yahoo.com

ABSTRAK

Rencana ini cuba memperkatakan peranan perpustakaan sebagai agen peningkatan peradaban dalam konteks perpustakaan bertindak sebagai pusat pembelajaran, manakala peradaban dalam konteks pembangunan dan kemajuan orang individu dan masyarakatnya. Memandangkan pentingnya perpustakaan sebagai pusat pembelajaran untuk membolehkan kita mendapat pelbagai maklumat dan ilmu, maka pemanfaatannya sudah menjadi tanggungjawab semua orang tanpa mengira perbezaan jantina, ras, usia, status, pendidikan dan lain-lain dalam membina dan meningkatkan kualiti hidup kita sendiri dan seterusnya peradaban. Sejak zaman dahulu lagi, pengejaran ilmu dan maklumat yang membawa kepada pemanfaatan ilmu dan maklumat di perpustakaan dengan berkesan itu telah merangsangkan penyelidikan yang seterusnya telah membawa kepada penemuan baru yang menjadi asas mempercepatkan pembangunan minda manusia yang selanjutnya merintis lorong baru kepada pembangunan ide baru selain menggalakkan penyelidikan baru ke atas sains dan teknologi. Kesemua itu bukan sahaja membawa kepada pembaharuan kesedaran, tetapi juga kemajuan terus menerus di segala bidang ilmu, yang kemajuannya adalah penggabungan kemajuan manusia secara lahiriah dan batiniah dalam konteks geo-politik yang baru dari masa ke masa. Memandangkan manusia tidak pernah berpuas hati, malah tidak pernah mengenal penat lelah dalam mengejar ilmu baru, maka penyimpanan ilmu lama dan kebijaksanaan daripada manusia masa lalu itu agar bukan sahaja tidak hilang, tetapi juga menyebarkannya dalam bentuk yang jauh lebih baik dan dengan lebih pantas itu sudah kekal menjadi kegiatan tetap perpustakaan yang masih dianggap sebagai pusat sosial dan pendidikan sehingga kini. Dari segi sejarah, kita tidak sahaja telah menyaksikan fajar baru kemanusiaan menyingsing di perpustakaan yang pada asalnya telah ditubuhkan di istana, rumah ibadat dan Tuhan (seperti masjid, gereja dan candi), tetapi juga pembangunan pelbagai perpustakaan dengan lebih gigih dan teratur di tempat lain, berikutan terciptanya alat cetak dan kini pemindahan minat kita kepada maklumat digital dan seterusnya pembangunan perpustakaan digital. Segalanya itu disebabkan pengumpulan dan pengongsian kebijaksanaan, pengetahuan dan maklumat di perpustakaan itu telah menghasilkan kuasa yang rasaksa untuk mendorong pembangunan sumber manusia dan peningkatan peradaban yang kebanyakannya terbukti bermula daripada penyelidikan di perpustakaan, selain makmal dan hidup manusia turun-temurun.

Kata kunci: Perpustakaan; Peradaban; Dunia Melayu

PENGENALAN

Sehingga kini, tidak banyak yang diketahui tentang pembangunan perpustakaan baik di masa lampau atau masa yang akan datang. Ini disebabkan bukan sahaja tidak banyak sudah ditulis tentang perpustakaan di masa lampau, tetapi juga kita tidak pasti tentang

hala tuju perpustakaan pada masa depan. Apa yang kita pasti adalah pembangunan perpustakaan dan kemajuan peradaban adalah saling bergantung sejak manusia mengenal huruf, lebih-lebih lagi menyedari pembelajaran sangat penting kepada inovasi teknologi yang selanjutnya adalah anak kunci kepada peningkatan taraf hidup manusia. Dalam konteks itu, perpustakaan yang berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan telah memperkembangkan bukan sahaja skopnya, tetapi juga fungsinya berikutan pengembangan kesediaan dan penyelidikan dengan setidak-tidaknya membuatkan koleksinya yang terdiri yang beraneka-ragam bahasa dan dari masa serta tempat yang berlainan itu dapat digunakan. Kata kunci di sini adalah pemanfaatan, perkongsian dan pertukaran kebijaksanaan, pengetahuan dan maklumat yang terkumpul dalam segala macam perpustakaan – istana, awam, swasta, ilmiah dan khas itulah yang mencetuskan penemuan di bidang astronomi, astrologi, perubatan, teknologi, geometri, arimatik, botani, ekonomi, falsafah, teologi, zoologi, sains tulen, kemanusiaan dan lain-lain. Kesemuanya itu telah menjadi batu asas kepada pembangunan sumber manusia dan kemajuan masyarakat yang mengasaskan peningkatan peradaban dari masa ke masa.

Sampai di sini perlu dijelaskan bahawa dua unsur yang ingin diperkatakan dalam pemahaman kita tentang peradaban adalah pengembangan minda dan kebolehan manusia sendiri dengan disusuli pembaikan dan peningkatan sistem sosial. Dalam proses itu, peranan yang dimainkan literasi dan pendidikan dengan perpustakaan ditempatkan di pusat kedua-duanya itu adalah luar biasa pentingnya. Sejak dahulu lagi, sebahagian besar pengajaran dan pendidikan manusia telah dijalankan dengan menggunakan bahan bertulis, dan kesedaran tentang pentingnya pendidikan itu melahirkan tuntutan dibangunkan sekolah di semua masyarakat. Sehubungan itu, kesedaran tentang pentingnya buku dan perpustakaan dalam pembangunan telah mendorong cendekiawan dan guru mewakafkan buku mereka untuk disimpan di perpustakaan - tidak kira sama ada di sekolah, universiti, gereja, masjid, candi atau istana, misalnya - kerana dipercayai adalah tempat yang paling baik dan selamat untuk buku, selain dipercayai di perpustakaanlah buku itu akan diselenggarakan dengan baik, dijaga dan juga dapat dikongsi cendekiawan dan guru lain. Hasilnya, perpustakaan yang didapati hanya dibangunkan di bandar yang kebetulan adalah pusat perdagangan dan pentabiran itu telah menarik perhatian semakin ramai orang yang tahu menulis dan membaca. Lama-kelamaan, semakin banyak perpustakaan – swasta dan awam – telah dibangunkan di hampir semua bandar besar di seluruh dunia (Staikos, 2004, 2005 & 2007). Dalam pembangunan itu, yang penting adalah pembangunan intelek manusia yang telah membawa banyak perubahan kepada dirinya, pendapatnya, sifatnya, kedudukan sosialnya, lebih-lebih lagi hubungannya dengan orang lain. Pembangunan individu dan kedudukan sosialnya telah diberi perhatian utama dalam peningkatan peradaban. Sampai di sini ternyata bahawa makna yang kita fahami dengan perkataan peradaban sudah dipekatkan (*condensed*) dalam tanggapan kita mengenai kesejahteraan masyarakat dan kegembiraan individu. Jika ingin mengkajinya dengan mendalam, kita mungkin akan dapati yang dimaksudkan itu tidak lain daripada pembangunan minda dan kebolehan yang telah dilakukan ramai orang yang rajin, bijak dan cekal. Usaha mereka itulah telah membuat banyak penemuan baru dan seterusnya telah membuahkan hasil yang manis kepada orang lain dari masa ke masa.

HUBUNGKAIT ANTARA PERADABAN DAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan yang kita tahu sekarang itu boleh disusur galurkannya kepada yang ada di masjid, gereja, candi dan istana suatu masa dahulu: sudah menjadi pusat kebudayaan,

pembelajaran, maklumat dan penyelidikan. Perkembangan itu juga berlaku di Dunia Melayu di Tanjung Pinang, Riau, dengan wujudnya Kelab Rusydiah (Abu Hassan Sham, 1979). Sebagai institusi sosial awal dalam sejarah perkembangannya, perpustakaan telah memainkan pelbagai peranan serentak, termasuk menyediakan kemudahan membaca, rujukan dan penyelidikan. Walaupun dipercayai 'buku' pertama yang masuk ke perpustakaan masa silam adalah yang berkaitan dengan agama dan teologi, tetapi lama-kelamaan perpustakaan sudah menerima buku perubatan, salasilah, kesusasteraan, pensejarahan dan pentadbiran. Dalam proses perkembangannya, bukan sahaja bilangan naskahnya sudah bertambah, tetapi juga subjeknya sudah meluas. Pengembangan koleksi perpustakaan itu disebabkan pendermaan yang dilakukan cendekiawan yang tertarik kepada perpustakaan. Itulah antara sebabnya perpustakaan itu menjadi leluhur (*forefathers*) kepada perpustakaan masa kini. Walaupun tidak banyak diketahui tentang organisasi perpustakaan masa itu, tetapi kita boleh membayangkan golongan, kodex dan manuskrip yang sudah dirantaikan ke dinding – untuk mengelakkan kecurian – mesti yang susah sekali dimanfaatkan. Walaupun membuat rujukan dari satu lembaran ke satu lembaran yang lain itu susah, tetapi ramai professor, pakar matematik, ahli astrologi, pengubal undang-undang, sejarahwan, penyair, pengarang dan orang cerdik pandai yang lain sangat tertarik hati kepada koleksi di perpustakaan itu kerana sebab-sebab penyelidikan, hiburan, pendidikan, ilmu dan keserjanaan. Ada setengah mereka itu telah menyalin sendiri halaman, malahan keseluruhan teks yang diminati kerana itulah satu-satunya naskah yang ada, selain tidak ada cara lain untuk mendapatkan salinannya.

Demikian juga dengan pengumpulan dan pengkajian manuskrip Melayu di Dunia Melayu dari abad ke 17 hingga abad ke 19 (Ding, 2003 & 2009). Setelah timbul kesedaran buku juga mempunyai nilai perdagangan, banyak buku telah dibawa dari tempat lain di Eropah ke Venice, misalnya, pada kurun ke 15 (Staiskos, 2004, 2005 & 2007). Perdagangan buku juga membuat kita tahu buku lama yang sudah 'hilang' itu telah timbul semula. Misalnya, penemuan teks Yunani lama bukan sahaja kerana teks terjemahan ke dalam bahasa Arab yang dibawa dari Sicily dan Sepanyol, tetapi juga kerana penyebaran sarjana Yunani yang sudah berlaku lama sebelumnya. Perhatian kita diberi kepada Byzantine adalah kerana Empayar Byzantine yang bermula dengan penubuhan Constantinople pada 330 TM kepada penawanan kota raya itu oleh tentara Turki pada tahun 1453 itu mempunyai tradisi keserjanaan dan perpustakaan yang tidak terputus-putus. Ada banyak sebab di sebalik perkembangan istimewa itu. Antaranya adalah di sepanjang sejarahnya terdapat ramai sekali editor, pengulas, ahli leksikografi, dan sejarahwan. Merekalah yang telah meletakkan batu asas keserjanaan dan penyelidikan yang kukuh dan mantap. Selain itu, ada banyak perpustakaan perbandaran dan universiti didapati menyimpan teks-teks yang dikerjakan sarjana tadi. Kesemua itu menunjukkan bahawa penjagaan dan pemeliharaan teks sudah menjadi tanggungjawab utama perpustakaan sejak masa dahulu. Kita wajar berterima kasih kepada perpustakaan di Constantinople kerana telah melakukan kerja itu dengan baik. Perkembangan itu juga menunjukkan pentingnya perpustakaan kepada masyarakat, selain menunjukkan pergantungan keserjanaan ke atas perpustakaan. Dengan kata lain, peradapan telah berkembang seiring dengan perkembangan perpustakaan dari segi peradapan juga kuat bersifat keperbukuan (*bookish*) dalam erti kata perubahan daripada gulungan (*roll*) kepada kodex (*codex*), dan perubahan daripada papyrus (*papyrus*) kepada kertas kulit (*parchment*), daripada kertas kulit kepada kertas, dan selanjutnya revolusi alat cetak. Kesemua itu adalah batu-batu tanda yang penting dalam sejarah pengeluaran buku dan pembangunan perpustakaan, maka boleh diibaratkan sebagai mesin yang membawa gerak peradapan di landasan sejarah manusia. Dalam kesemua perkembangan itu, alat

cetak yang direka Johannes Gutenberg pada 1436 itu bukan sahaja telah merevolusikan pembikinan buku, tetapi juga telah mempercepatkan pembangunan perpustakaan dan peradapan kita. Dalam proses itu, banyak faktor sudah bergabung dalam mewujudkan “zaman keemasan” pembangunan perpustakaan dan peradapan sepanjang abad 16 dan 17. Antaranya adalah kuantiti buku telah naik; sementara harga buku sudah turun. Segala perkembangan itu sudah menimbulkan minat yang luar biasa di kalangan manusia ke atas perpustakaan sebagai pusat pembelajaran, penyelidikan dan keserjanaan. Sementara itu, penemuan Tanah Baru oleh Christopher Columbus, kebangkitan Romanticisme, memuncaknya Nationalisme dari abad 17 kepada abad 19 dan seterusnya telah mendorong banyak negara membangunkan banyak perpustakaan besar, termasuk perpustakaan negara. Sementara itu, universiti yang baru ditubuhkan telah mula memainkan peranan penting dalam pendidikan sejak Zaman Renaissance dengan banyak pemikir dan penulis mengeluarkan karya yang hebat. Antara perpustakaan penting masa itu dan masa kini adalah Perpustakaan Bodleian di Oxford, the Library of the British Museum di London, Mazarine Library di Paris, and the National Central Library di Itali dan M.E. Saltykov-Shchedrin State Public Library di St. Petersburg.

Dalam arus pengembangan perpustakaan dalam keadaan sosio-politik dan ekonomi yang baik itu, perhatian kita harus diberi kepada peristiwa yang berikut. Warisan pembelajaran dan kesusasteraan Yunani yang diperturunkan melalui muzium dan perpustakaan di Alexandria dan Constantinople, misalnya, yang boleh dianggap sebagai sumber dan akar keserjanaan Eropah selama seribu tahun. Dalam konteks itu, perpustakaan dan muzium telah menjalinkan Eropah di Zaman Pertengahan dengan Roma dan Yunani klasik. Hubungan itu diperkuatkan dengan banyaknya teks Yunani berhijrah, termasuk yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, seperti yang disebut tadi, Peristiwa yang hampir sama telah juga berlaku di Dunia Melayu dengan manuskrip Melayu dibawa pengumpul dan sarjana Eropah, iaitu Orientalis, ke perpustakaan dan muzium di Eropah mulai abad ke 17 hingga pinggir abad ke 19. Itulah antara sebab utama manuskrip Melayu didapati sudah tersebar di 151 buah institusi di 28 buah Negara, manuskrip Jawa diketahui sudah tersebar di 125 buah institusi di 22 buah negara. Batak pula diketahui sudah tersebar di 90 buah institusi di 17 buah Negara, manuskrip Bali diketahui sudah tersebar di 31 buah institusi di 10 buah negara (Ding, 2005). Perhatian kita diberi kepada manuskrip Melayu, Jawa, Batak dan Bali adalah kerana dokumen bertulis dalam keempat-empat bahasa itu - tidak kira sama ada hikayat, pensejarahan, undang-undang, kitab tib dan adat resam - adalah yang paling menarik perhatian Orientalis berbanding dengan manuskrip dalam bahasa lain. Kewujudan dan perkembangan manuskrip itu bermakna sudah ada skriptoria, atau taman karang-mengarang, tempat manuskrip itu ditulis dan kemudian disalin dari masa ke masa, selain sudah ada semacam perpustakaan – iaitu institusi sosial-budaya di istana Melayu di hampir kesemua istana Melayu di Dunia Melayu. Lihat lampiran I. Walaupun tidak banyak diketahui tentang penyelenggaraan perpustakaan dan taman bacaan di istana Melayu, yang menarik ialah literasi dan perkembangan kesusasteraan yang melibatkan pembacaan dan pengembangan ilmu dan pembangunan industri buku telah mengalami zaman kegemilangan dan kemelesetannya. I-Tsing, sarjana-Sami Budha dari China, misalnya, pernah singgah di Palembang dalam perjalanannya pergi dan balik ke India kerana mencari kitab ajaran Budha pada abad ke 7, dalam Empayar Srivijaya. Dalam catatan yang ditinggalkannya, Palembang masa itu adalah kota-pelabuhan yang sibuk, lebih-lebih lagi adalah pusat pembelajaran agama Buddha, maka dibanjiri pelajar dari dekat dan jauh (Winstedt, 1966).

Kemunculan manuskrip Melayu di pelbagai istana Melayu, tidak kira sama ada di Aceh, Bima, Buton, Jambi, Kedah, Kutai, Melaka, Muar, Pasai, Palembang, Pontianak, Sambas atau Trengganu selepas abad ke 13 itu juga menyatakan sudah wujud tradisi kesarjanaan yang tidak putus-putus sehingga pinggir abad ke 19 (Ding, 2008b). Selain itu, perlu dinyatakan di sini bahawa sistem tulisanlah yang telah membolehkan orang ramai mengenal huruf telah itu juga yang mempunyai pengaruh magik yang kuat ke atas masyarakatnya, tidak kira tempat dan masanya, apatah lagi masa kini setelah manusia di seluruh dunia telah memberi perhatian besar kepada maklumat sebagai sumber pembangunan baru untuk menggantikan sumber pembangunan tradisional, seperti tanah dan industri berat (Porat & Rubin, 1977 & Masuda 1981). Sekali lagi dinyatakan bahawa sejak dahulu lagi, manusia sudah menyedari literasi dan pembelajaran adalah sumber kekuatan dan kuasa seperti yang diperolehi raja, imam, sami dan rahib di istana, masjid, candi, gereja dan rumah Tuhan sebelum itu. Tempat yang menjadi pusat kuasa baru itu adalah juga pusat pengumpulan dokumen bertulis dan juga orang cerdik pandai. Setelah berkembang dan diperkembangkan, lama-kelamaan perpustakaan telah mengambil alih tempat rumah Tuhan dan istana di raja daripada segi adanya hubungan dengan kebijaksanaan, ilmu dan intelek yang menaburkan benih peradaban. Perubahan itu berlaku di Yunani sejak abad 5 STM, di Alexandria sejak abad ke 5 STM, di Roma dan kemudiannya di Constantinople sepanjang era Byzantine (Staikos, 2004, 2005 & 2007). Di England, perpustakaan gereja yang pertama telah ditubuhkan Benedict Biscop pada akhir abad ke 7 di Wearmouth. Ia berisikan 'buku' yang sebahagian besarnya telah dibawa penama yang tersebut dari Roma. Inilah juga perpustakaan yang membolehkan Bede berkarya pada abad lain. Selepas itu, pada abad ke 8, Alcuin didapati telah berhijrah daripada sekolah dan perpustakaan yang terkenal di York kepada Istana Diraja Charles untuk menyusun semula sekolah dan perpustakaan yang lain. Sebahagian ide dan ilham di sebalik renaisan Carolingian datangnya daripada St Boniface dan Alcuin, selain buku yang mereka bawa dari York dan Wessex, manakala skriptoria di Carolingina, Corbie dan Felury, misalnya, telah mengeluarkan banyak sekali karya yang besar, yang menjadi sumber teks klasik Eropah. Sementara itu, sejak abad ke 5, perpustakaan gereja bertambah banyak dengan cepatnya di seluruh Eropah. Di sini ingin dinyatakan bahawa tabiat membaca mesti sudah ada dan sudah berkembang sebelum perpustakaan boleh berkembang. Apa yang menarik adalah tabiat membaca telah berkembang dengan lajunya setelah buku mula dicetak dengan banyaknya dan harganya turun. Tahap pembangunan sosial itu diperkukuhkan lagi dengan adanya penghasilan karya kreatif dan saintifik yang pesat. Ledakan karya kreatif dan saintifik telah berlaku pada kurun ke 5 di Yunani, misalnya, berikutan pengingkatan import bahan papirus yang telah berlaku untuk tempoh beberapa kurun selepas itu. Perkembangan yang menggalakkan itu juga berlaku di England setelah banyaknya buku yang lebih murah boleh didapati setelah mesin cetak digunakan secara besar-besaran sekitar abad ke 15. Selain itu, perkara lain yang menarik ketika itu adalah pengumpulan karya dalam bahasa asing, yang didorong perkembangan perdagangan dan perniagaan. Kesemua itu telah membawa kemakmuran yang belum pernah dirasakan sebelumnya. Segala-galanya telah membawa kemajuan sains ke tahap yang lebih tinggi yang juga disebabkan pengembangan pendidikan di kalangan rakyatnya, dan juga penubuhan universiti dan munculnya pekerjaan ikhtisas seperti peguam, jurutera dan doktor. Di sini, kita tidak boleh melupakan karya (baik yang bercetak atau tidak) dan juga banyaknya perpustakaan negara dan akademik telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan sarjana dan penyelidik.

Berlatar belakangkan apa yang diperkatakan itu, tidaklah salah jika dikatakan bahawa perpustakaan sudah menjadi darah daging mendenyutkan jantung kesarjanaan sejak

zaman dahulu lagi. Merenung semula ke dalam sejarah, Alexandria sudah terkenal kerana perpustakaanya, *Bibliotheca Alexandrina*. Sejak ditubuhkan, ia sudah memulakan dialog selain mengembangkan budaya di peringkat daerah, kebangsaan dan antarabangsa. Yang dimaksudkan ialah ia telah memberi penginapan kepada sarjana yang datang dari jauh untuk bertukar-tukar dan berkongsi pendapat dan pandangan dengan sarjana tempatan. Kerjasama dan pertukaran pendapat dengan melibatkan sarjana, ahli politik dan kakitangan kerajaan itu adalah cara yang paling besar pengaruhnya dan juga yang paling baik dalam menggalakkan dialog dan mengembangkan persefahaman antara manusia. Dalam konteks itu, *Bibliotheca Alexandrina* telah memainkan peranan yang boleh dicontohi perpustakaan negara yang lain bukan sahaja pada masa kini, tetapi juga masa yang datang. Dalam dialog dan pertukaran itu telah dibincangkan persamaan dan perbezaan antara kebudayaan dan peradapan. Untuk matlamat itu, perpustakaan itu telah membuka banyak pusat untuk memantapkan lagi kedudukannya (Staiskos, 2004, 2005 & 2007). Sekali lagi dinyatakan bahawa walaupun tidak banyak diketahui tentang isi koleksi perpustakaan itu, buku-buku dipercayai datang daripada skriptoria, pendermaan, pertukaran dan pembelian. Ketua pustakawannya dipercayai adalah yang dilantik raja. Ketua dan pengarah itu mungkin dinasihati ahli lembaga yang terdiri daripada professor dan sarjana di pelbagai disiplin. Organisasi itu menarik minat ramai sarjana, pengarang dan editor yang cemerlang yang sudah tentu menduduki tempat tinggi dalam masyarakat dan kedudukan yang berpengaruh dalam tradisi kesarjanaan. Penyelidikan mereka telah disalurkan melalui penerbitan, walaupun yang diwarisi sehingga kini cuma salinan manuskrip mereka yang mereka sunting dan perbaiki dari masa ke masa. Demikianlah juga halnya dengan tradisi penulisan dan penyalinan manuskrip Melayu (Ding, 1987, 2003 & 2008b) Isu di sini adalah sejak masa lalu kebanyakan penyelidikan telah dilakukan di perpustakaan. Contoh yang boleh dipetik dari Dunia Melayu adalah Tun Seri Lanang di Johor Lama telah ditauliahkan rajanya untuk mengerjakan *Sejarah Melayu*, Raja Chulan di Kuala Kangsar yang mengarang *Misa Melayu* dan Raja Ali Haji yang mengarang *Tuhfat al-Nafis* di Tanjung Pinang, Riau. Sebelum mengarang, kesemua mereka telah membuat banyak rujukan ke atas bahan bertulis, termasuk dokumen, surat dan surat perjanjian yang tersimpan di perpustakaan, selain menghubungi “empunya cerita” yang mengetahui kisah lama, selain terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kejadian yang berkenaan. Oleh sebab tidak banyak diketahui tentang perpustakaan masa lampau itu, maka yang ditulis Kratz (1977) misalnya adalah taman bacaan buku di Palembang. Taman bacaan seperti itu telah banyak ditubuhkan China peranakan di Indonesia (Claudine Salmon 1981 & 1987). Sementara itu, daripada tulisan Proudfoot (1993) kita juga dapat membayangkan isi perpustakaan moden dengan buku bercetak seperti yang disenaraikannya. Sementara itu, maklumat tentang perpustakaan manuskrip Melayu yang ada tidak lain daripada menggabungkan serpihan catatan yang ditinggalkan orientalis and pengumpul manuskrip, termasuk Stamford Raffles, J. Leyden, H. C. Klinkert, C.C. Berg dan Ph. S. Van Ronkel. (Ismail Hussein, 1990)

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DAN PENINGKATAN TARAF HIDUP

Pembangunan sosial-ekonomi dengan pesat di sepanjang abad ke 19, yang juga melibatkan kebangkitan kemanusiaan, pembinaan sekolah dan pengembangan literasi di kalangan orang ramai, telah melahirkan tuntutan baru ke atas perpustakaan. Kesemua perkembangan itu boleh dihubungkan dengan fakta yang menggembirakan. Antaranya adalah buku sudah menjadi alat asas dan mudah dicapai dalam penyebaran pengetahuan dan maklumat. Justeru itu, semakin lama semakin ramai orang juga menyedari untuk

hidup dengan lebih baik, kita mesti belajar. Cara pembelajaran yang paling baik tidak lain daripada buku dan tempatnya tidak lain daripada perpustakaan yang sudah mengumpulkan pelbagai buku untuk dimanfaatkan. Dalam konteks itu, sudah tentu kita tahu kesejahteraan dan kebahagiaan kita juga terletak di tangan pakar dan sarjana di pelbagai bidang yang sudah bertungkus lumus mencari jawapan kepada masalah dan kemusykilan kita. Semasa merenung semula kepada tahap pencapaian kesarjanaan yang tinggi dalam peradapan selama ini, kita juga menyedari penyelidikan dan penemuan baru yang tidak putus-putus dilakukan sarjana dan penyelidik itulah juga yang telah memberi tenaga dan kuasa untuk kita terus mara ke depan dan naik ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam konteks itu, adalah salah untuk kita menganggap kebijaksanaan dan pengetahuan kita hanya datang dari satu bahasa, satu negara dan satu masa. Ini bermakna walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa dunia masa ini, tetapi banyak lagi maklumat yang penting dan berguna perlu didapati daripada bahasa lain. Kedalaman, ketinggian dan keluasan kebijaksanaan dan pengetahuan yang terpendam dalam bahasa yang berlainan itulah telah membuat manusia melakukan terjemahan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain di seluruh dunia. Tadi kita juga nampak peranan penterjemahan karya klasik Yunani, telah menyalurkan kebijaksanaan dan maklumat dalam karya-karya itu ke dalam bahasa Eropah yang lain, dan seterusnya ke dalam bahasa bukan Eropah di seluruh dunia sehinggalah kini. Kini, sebahagian besar kebijaksanaan dan maklumat dalam karya-karya klasik Yunani itu dipelihara dengan baiknya di perpustakaan. Di sini, koleksi karya itu dalam perpustakaanlah adalah lebih besar dan banyak berbanding dengan koleksi peribadi. Ini juga menunjukkan pentingnya perpustakaan dalam pewarisan kebijaksanaan dan maklumat manusia sehingga kini.

Sudah disebut sebelum ini bahawa manusia sejak dahulu lagi sudah menganggap mengejar ilmu adalah keperluan asas. Selain itu, kita juga mengetahui bahawa penjaan, pemprosesan dan penyebaran maklumat itu bukanlah hak monopoli orang individu, orang dari satu kelas, orang dari satu bangsa, orang dari satu gender, orang dari satu tempat, orang dari satu agama, tetapi adalah tanggungjawab semua orang. Ia juga tidak terbatas kepada bidang ilmu, tetapi kesemua ilmu agar pembangunan mental, peribadi, sifat dan negara kita itu berjalan dengan seimbang, dan tidak pincang-berat sebelah.

Sehingga kini, begitu banyaknya perubahan sudah kita alami, baik sebagai orang individu, atau dalam kumpulan sosial yang lebih besar. Antara perubahan yang diberi perhatian dalam konteks rencana ini adalah hubungan antara individu sudah bertambah baik. Demikian juga dengan pembahagian hak dan harta benda antara individu dalam masyarakat kita. Kesemua itu bermakna wajah masyarakat dan dunia masa kini sudah menjadi lebih indah selain teratur berbanding dengan masa dahulu. Pembaikan dalam hal-hal fizikal itu juga mempunyai implikasi dan kesan besar ke atas pembangunan mental, moral dan jiwa setiap kita, setidak-tidaknya menyatakan bahawa kita sebagai umat manusia yang boleh berfikir itu sudah diarahkan naluri dan sifat semula jadi manusia untuk terus memperbaiki kualiti hidup kita seiring dengan kemajuan peradapan. Dalam segala macam pembangunan itu, pembangunan masyarakat di satu pihak dan pengembangan intelek manusia di satu pihak yang lain itu penting. Kesemuanya saling berkaitan, lebih-lebih lagi dengan pembelajaran dan penyelidikan, maka sedikit sebanyak melibatkan perpustakaan. Demi pembangunan keadaan sosial kita dan demi peningkatan kualiti hidup kita, maka kita sebagai manusia perlu membangunkan minda kita, kebolehan kita, perasaan kita, ide kita dan keseluruhan diri kita dengan sepenuh-penuhnya. Demi peningkatan taraf hidup, yang sebenarnya juga

pembangunan diri kita, maka kita perlu berikhtiar dan berjuang sepanjang sejarah. Dengan kata lain, ide yang paling inti dan asas dalam perkataan peradapan adalah pembaikan keadaan manusia setelah keamanan masyarakat dan kesejahteraan hidup dan kebebasan individu dilindungi undang-undang dan peraturan. Dalam keadaan sedemikian itulah, maka makna peradapan mempunyai dua implikasi yang khas dan menonjol. Ia tidak sahaja menandakan adanya kuasa yang sentiasa berkerja ke atas individu, tetapi juga keadaan sosial dan manusia yang tertentu.

Kesemua itu menunjukkan adanya suatu kuasa yang telah menaikkan dan memajukan manusia dari segi lahiriah dan rohaniahnya. Dalam pengertian itulah peradapan yang melibatkan pembangunan itu juga menggembelengkan kesemua kuasa kemanusiaan untuk memajukan diri kita dari segi fikiran, perbuatan, sifat dan juga aspirasi. Dalam konteks ini, perkataan peradapan boleh digunakan untuk menandakan keadaan kemanusiaan yang lebih maju dengan bercirikan peraturan politik, sosial dan ekonomi yang lebih baik, sekaligus kebudayaan dan pengetahuan yang lebih tinggi pada individu. Dalam keadaan sedemikian itulah kita boleh membandingkan keadaan, jenis dan tahap masyarakat yang berbeza pada masa yang berlainan. Misalnya, Perancis, Germany dan England pada abad ke 15 dengan masa sekarang, atau Melaka, Palembang, Kalimantan dan Makassar pada kurun ke 15 dengan abad 21 sekarang. Dalam perbandingan itu, kita akan nampak perubahan yang sudah berlaku, termasuk hubungan antara perpustakaan dengan pembangunan dan peradapan yang juga telah meletakkan perpustakaan di pusat dan jantung pembelajaran dan penyelidikan seperti masa sekarang.

Untuk penyelidikan dan kesarjanaan, perpustakaan (terutamanya perpustakaan negara) dikehendaki mempunyai koleksi penerbitan negara yang lengkap, selain koleksi yang terbaik dari negara lain. Tarikan lain perpustakaan ke atas sarjana, penyelidik dan orang ramai adalah pustakawan-pakar yang bukan sahaja pandai mencari dan menyelenggarakan bahan dalam koleksinya, tetapi juga pandai menafsir maklumat. Yang tidak kurang penting adalah perpustakaan masa kini juga telah berkembang menjadi gedung dan titik pencapaian bahan bukan cetak, termasuk laporan, dokumen, tesis, lagu, foto, dan lain-lain yang mempunyai maklumat dan ilmu yang tidak terdapat dalam buku yang diterbitkan. Berikutan pemotongan besar bajet perpustakaan dan peningkatan harga langganan kepada jurnal, semakin lama semakin banyak perpustakaan sudah membangunkan mekanisme untuk membolehkan penggunaanya mencari bahan di perpustakaan lain di seluruh dunia. Ini bermakna banyak perpustakaan sudah disusun semula sehinggakan telah menjadi titik penting untuk mencari maklumat tanpa batas daripada pelbagai format dari banyak negara. Dalam konteks itu, perpustakaan tanpa dinding sudah wujud. Apa yang dimaksudkan itu tidak lain daripada perpustakaan digital yang telah menggunakan teknologi ICT untuk mencapai maklumat digital, selain menolong penggunaanya mengembara di dunia maklumat digital di alam maya, termasuk Internet, pengkalan data dan portal yang tumbuh macam cendawan selepas hujan sekarang. Dalam konteks ini, maka Library of Congress, Lenin State Library, British Museum Library and National Library di Paris, misalnya, adalah unik dari segi saiz koleksi dan bahan dalam koleksi masing-masing. Perpustakaan tersebut juga adalah yang terbesar dan terkaya di dunia kerana sudah mempunyai koleksi lebih daripada 5 juta naskah. Kini, LC mempunyai lebih daripada 55 juta naskah, USSR lebih daripada 25 juta naskah, Perancis, sekitar 20 juta naskah, Germany lebih daripada 9 juta naskah, Great Britain lebih daripada 8 juta naskah, Rumania sekitar 6 juta naskah, dan Hungary sekitar 5 juta naskah. Selain itu, lebih kurang 27 buah perpustakaan negara sudah mempunyai koleksi lebih daripada 1 juta naskah.

Perkembangan yang cukup memberangsangkan itu telah berlaku selepas Perang Dunia II dengan muncul angin dan arus anti-penjajahan di satu pihak dan perjuangan menuntut kemerdekaan dan pemerintahan demokrasi di satu pihak yang lain. Kesemua itu wajar disebut dalam makalah ini kerana kesemua perpustakaan itu adalah pusat penyelidikan saintifik yang penting dan terkenal, selain mempelopori latihan dan peningkatan kualiti penyelidikan di negara yang berkenaan, justeru penyelidiknya boleh mencapai karya penting di segala bidang dari seluruh dunia.

Sementara itu, perpustakaan yang lain telah membuatnya dengan mengundang sarjana untuk menjalankan penyelidikan di situ. Dengan cara itu, kita dapat terus meneruskan berkongsi hasil penyelidikan yang didapati semakin lama semakin rumit, dan juga semakin banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan individu dan masyarakat. Untuk memenuhi keperluan penyelidikan di bidang yang tertentu, terutamanya sains, teknologi dan perubatan, banyak perpustakaan khas sudah ditubuhkan. Kelebihan perpustakaan khas itu berbanding dengan perpustakaan umum adalah isi kandungan koleksi masing-masing. Koleksi di perpustakaan khas adalah lebih banyak bahan di satu bidang mampu diperolehi berbanding yang terdapat di perpustakaan umum. Selain itu, sifat perkhidmatan yang diberi di perpustakaan khas kepada penyelidik khas biasanya adalah lebih teratur berbanding dengan yang diberi kepada pengguna umum di perpustakaan umum. Tidak kira apa juga nama dan statusnya, lazimnya perpustakaan adalah tempat terkumpulnya lebih banyak bahan daripada yang mampu dipunyai orang individu. Sifat inilah juga antara faktor utama perpustakaan boleh berkembang menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan ramai orang. Dari segi teori, perpustakaan yang paling besar di dunia sekarang tidak lain daripada Library of Congress. Sejak ditubuhkan pada tahun 1800, ia sudah menjadi bukan sahaja perpustakaan, tetapi juga pusat penyelidikan yang paling penting di dunia, kerana mempunyai lebih banyak maklumat daripada perpustakaan lain dalam bentuk buku, foto, filem, peta, suara dan pandang.

Untuk mengetahui sejarah perkembangan perpustakaan di Malaysia, misalnya, rencana daripada Shahar Banum (2003) boleh dirujuk. Antara maklumat tentang perpustakaan di Malaysia adalah terdapat Kedah State Library Corporation (1974-) di Alor Setar, Tun Razak Library di Ipoh (1931-), Kelantan Public Library Corporation di Kota Baru, (1938), Sabah State Library di Kota Kinabalu (1951-), Kuala Lumpur Public Library di Kuala Lumpur (1966-), Forest Research Institute Malaysia's Library di Kuala Lumpur (1929-), Malaysian Rubber Research Library di Kuala Lumpur (1925-), Ministry of Agriculture Library di Kuala Lumpur (1906-), National Archives of Malaysia di Kuala Lumpur, (1957), Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur (1966-), Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur (1956-), Sarawak State Library di Kuching 1950-), Malacca Public Library Corporation di Melaka (1977-), Penang Public Library Corporation di Penang (1817-), Selangor State Library Corporation di Shah Alam (1971-), Sabah Museum di Kota Kinabalu (1886-), Muzium Negara di Kuala Lumpur (1963-), Sarawak Museum di Kuching (1886-), Penang Museum and Art Gallery di Penang (1963-), Taiping Museum (1883-). Sementara itu, catatan tentang koleksi perpustakaan di negara-negara lain di Dunia Melayu boleh didapati daripada laporan daripada perpustakaan yang berkenaan. Misalnya, di Singapura, terdapat National Archives of Singapore (1968-) yang dikatakan mempunyai 3,4000 naskah buku, 1,500,000 keping foto, 128,200 keping pelan bangunan, 18,000 keping peta, 66,427 gulung mikrofilem, 18,000 rakaman temubual. Sementara itu, National Library Board (1823-) juga mempunyai 4,774,985 naskah buku (65% dalam bahasa Inggeris, 22%

dalam bahasa Cina, 10% dalam bahasa Melayu dan 3% dalam bahasa Tamil). 135,016 bahan pandang-dengar. Seterusnya di Brunei: terdapat Language and Literature Bureau Library (1961-) dan Brunei Museum (1965-) yang menerbitkan *Brunei Museum Journal*, selain Malay Technology Museum (1988-). Di Indonesia sudah tentu perhatian kita tertarik kepada Perpustakaan Pusat Institut Teknologi Bandung (1920-), Perpustakaan Pusat Penelitian dan Pengembangan Geologi Bandung, Pusat Perpustakaan Angkatan Darat di Bandung, Pusat Perpustakaan Pertanian dan Komunikasi Penelitian di Bogor (1842-) dan UPT Perpustakaan Institut Pertanian Bogor, (1963-). Di Arsip Nasional Republik Indonesia (1892-) ada mempunyai 24 kilometer bahan arkib, 8,437 naskah buku, 48,000 gulung filem, 10,000 rakaman video, 4,000 rakaman lisan, 1,600,000 foto. Selain itu, terdapat Central Documentation and Library of the Ministry of Information di Jakarta, (1945-), Library of Political and Social History di Jakarta, (1952-), Perpustakaan Bagian Patologi Klinik R. S Dr Tjipto Mangunkusumo di Jakarta, Perpustakaan Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia di Jakarta, Perpustakaan Nasional (1980-) mempunyai akhbar Indonesia sejak 1810, peta dan buku Indonesia sejak abad ke 17, Pusat Dokumentasi dan Informasi Ilmiah (Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia), (1965-), Hassanuddin University Library di Ujung Pandang (1956-), Perpustakaan Umum Makassar (1969-), Perpustakaan Islam di Jakarta (1942-), Perpustakaan Jajasan Hatta di Yogyakarta, Perpustakaan Wilayah (1949-) di Yogyakarta, Muzium Bali di Denpasar, (1932-), Muzium Nasional di Jakarta (1778-).

SEPINTAS LALU TENTANG PERKEMBANGAN DI MASA DEPAN

Kini, semakin lama semakin ramai orang suka mendapatkan maklumat dalam bentuk digital dari Internet, atau pangkalan data di perpustakaan yang semakin banyak mempunyai maklumat digital. Pergantian ke maklumat digital di perpustakaan haibrid – bukan perpustakaan digital dalam erti kata yang sebenarnya – adalah kerana semakin lama semakin ramai orang sudah biasa dengan Internet yang membolehkan kita mencapai maklumat digital dengan lebih cepat dan mudah – di hujung jari sahaja. Memanglah tidak hairan bahawa mendapat maklumat digital di Internet adalah jauh lebih mudah dan pantas berbanding dengan maklumat analog, selain salinan maklumat digital boleh disebarkan ke seluruh dunia. Itulah juga antara faktor utama penyelidikan di perpustakaan kini boleh dilakukan kita tanpa kita meninggalkan tempat kerja kita. Antara manfaatnya adalah kita tidak lagi perlu menghabiskan wang dan masa dengan mengunjungi perpustakaan yang terletak di tempat yang jauh.

Kelebihan maklumat dalam bentuk digital itu sudah diakur semua orang dan pengurus perpustakaan. Untuk menghadapi cabaran itu, usaha telah dimulakan untuk membangunkan perpustakaan digital kerana menjanjikan keistimewaan yang tidak boleh didapati di perpustakaan tradisional. Antaranya adalah sekiranya perpustakaan tradisional dikongkong masalah ruang, perpustakaan digital tidak akan ada masalah ruang menyimpan bahan digital. Secara logik, kos penyelenggaraan perpustakaan digital adalah lebih murah berbanding dengan perpustakaan tradisional. Penjimatan kos itu boleh juga dikira daripada segi perpustakaan digital tidak memerlukan kakitangan sebanyak yang diperlukan untuk mengurus maklumat analog. Selain itu, birokrasi yang mengongkong perpustakaan tradisional boleh dihapuskan. Oleh itu, banyak perpustakaan telah mengorak langkah membangunkan perpustakaan digital untuk memenuhi keperluan penggunaannya dengan lebih baik dan berkesan dengan teknologi yang semakin canggih. Selain tidak dikongkong ruang fizikal – iaitu perpustakaan digital tidak ada bangunannya, perpustakaan digital juga membolehkan semua penggunanya mencapai maklumat yang dikehendaki

serentak tanpa mengira masa. Inilah sifat-sifat yang menjadikan perpustakaan digital itu perpustakaan tanpa dinding. Kesemua pertimbangan itu telah mendorong kami di ATMA membangunkan portal ATMA: di Internet dengan urlnya: [http:// Malaycivilization.com](http://Malaycivilization.com) atau <http://Malaycivliation.ukm.my>. Lihat apendiks II.

PENUTUP

Sepanjang makalah ini, peradapan telah dikaji dari sudut peranan perpustakaan dalam membantu manusia mengejar maklumat dalam tapak kecil langkah besar manusia membangunkan diri dan peradapan. Memandangkan tanggungjawab utama perpustakaan adalah memelihara rekod intelek manusia dan membuatnya dapat dicapai dengan lebih mudah, maka beraneka ragam perpustakaan sudah dibangunkan di seluruh dunia. Sementara itu, untuk dapat menyampaikan cerita tentang negaranya dan peradapannya dengan lebih baik dan sistematik, semua negara sudah menubuhkan perpustakaan negara untuk mengumpul harta intelek negara itu, selain perpustakaan lain untuk melengkapi peranan perpustakaan negara tadi. Sebagai gedung harta intelek negara, perpustakaan tersebut telah membuka pintunya kepada sarjana, penyelidik dan orang ramai yang selera mereka telah dicanai untuk mengetahui lebih banyak tentang segala maklumat, kebijaksanaan dan ilmu seperti yang terkumpul di perpustakaan, yang juga dianggap sebagai jambatan merentangi dunia nyata dengan dunia khayalan. Dalam perspektif itu, orang awam dan pakar menjangkakan perpustakaan boleh memanjangkan impian mereka dengan mengumpul segala maklumat dikehendaki. Dalam perbincangan tadi, perhatian telah diberi kepada ide kemajuan dan pembangunan yang terkunci dalam makna peradapan. Ia pada dasarnya mahukan pembangunan dan peningkatan kualiti hidup manusia. Ini bermakna peningkatan taraf hidup kita, pembangunan masyarakat, pembaikan hubungan antara manusia dengan manusia dan peningkatan kemakmuran negara.

Di sepanjang makalah ini, kita sudah diperingatkan dengan hubungan rapat antara perpustakaan dan peradapan. Hubungan yang mempengaruhi antara kedua-duanya itu juga mempunyai pengaruh besar ke atas pembangunan intelek individu dan pembangunan sosial ekonomi masyarakat. Selama beberapa dekad ini, perpustakaan sudah mengumpul banyak sekali maklumat yang penting kepada pembangunan masyarakat dan peradapan manusia. Dalam peringkat pembangunan perpustakaan sekarang ini, semua perpustakaan perlu diselaraskan aktivitinya agar boleh bantu membantu dari segi perkongsian maklumat demi kepentingan semua orang. Inilah antara cabaran yang dihadapi perpustakaan yang perlu berubah sesuai dengan kehendak arus masa dan masyarakat. Jika tidak, perpustakaan akan dilupakan dan dijauhi orang ramai kerana didapati tidak boleh berfungsi seperti yang dikehendaki. Kalau demikian, ia institusi sosial yang sudah wujud ribuan tahun itu akan ketinggalan zaman, dan menjadi sisa sejarah setelah menempuhi zaman kegemilangannya.

BIBLIOGRAFI

- Abu Hassan Sham. (1979). Kelab Rusydiah: Sebuah Perkumpulan Cendakiawan Melayu Riau. *Dewan Masyarakat* 17 (6): 36-38.
- Ding Choo Ming. (1987). Access to Malay Manuscripts. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 143(4): 425-451.

- (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- (2005). Projek Pemetaan Manuskrip Pribumi Nusantara: *Simposium Internasional Pernaskahan Nusaantara IX, di Keraton Buton, Sulawesi Tenggara, Buton*, pada 5-8 Ogos,
- (2008a). Migration, Separation and Reunification of Malay Manuscripts. *Resonance: UKM International Bulletin* (ISSN 1675-7270) 21 (Oct-Dec 2008): 20-22
- (2008b). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (2009). Tradisi Penyalinan Manuskrip Melayu. *Tinjauan Umum Dlm Mengharungi Laut Sastera Melayu Tradisional: kumpulan esei penghargaan Prof V. I. Braginsky = Crossing the Sea of Traditional Malay Literature: A Collection of Essays in Honour of Professor V. I. Braginsky*. Editor: Jelani Harun & Ben Murgagh, (akan datang)
- Ismail Hussein. (1990). *Bibliografi Sastera Melayu Tradisi*. Bangi: Perpustakaan Cabang IBKKM, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.
- Kratz, E. U. Running a Lending Library in Palembang in 1886 AD. *Indonesia Circle* 14(1977): 3-12
- Masuda, Yoneji. (1981). *The Information Society as Post-Industrial Society*. Tokyo: Institute for Information Society.
- Porat, M. & Rubin M. (1977). *The Information Economy: Development and Measurement*. Washington, D.C.: Government Printing Office.
- Proudfoot, I. (1993). Early Malay Printed Books: A Provisional Account of Materials. IN *The Singapore-Malaysia Area up to 1920- Noting Holdings in Major Public Collections*. Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies & the Library of University of Malaya.
- Salmon, Claudine. (1981). *Literature in the Malay by the Chinese in Indonesia: A Provisional Annotated Bibliography*. Paris: Editions de la Maison des Sciences de l'Homme.
- (1987). Writings in Romanized Malay by the Chinese of Malaya: A Preliminary Study. IN *Literary Migration: Traditional Chinese Fiction in Asia, 17th-20th Centuries*. Edited by Claudine Salmon. Beijing: International Culture Publishing Corporation.
- Shahar Banun Jaafar. (2003). Libraries in Malaysia:1561-1577. *Encyclopedia of Library and Information Science*. Edited by Mariam A. Drake. New York: Marcel Dekker.
- Staikos, Konstantinos. (2004). *The History of the Library in Western Civilization Volume I: From Minos to Cleopatra. The Greek World from the Minoan's Archival Libraries to the Universal Library of the Ptolemies*. Houten (Netherlands): Hes & De Graaf Publishers.
- (2005). *The History of the Library in Western Civilization. Volume II: From Cicero to Hadrian. The Roman World from the Beginnings of Latin Literature to the Monumental*

Kerajaan Melayu di Malaysia Barat

35. Kerajaan Melaka
36. Kerajaan Johor
37. Kerajaan Perak
38. Kerajaan Pahang
39. Kerajaan Kelantan
40. Kerajaan Kedah

Kerajaan Melayu di Thailand

41. Kerajaan Pattani

Kerajaan Melayu di Sumatra Barat

42. Kerajaan Pagaruyung

Kerajaan Melayu di Jambi

43. Kerajaan Kandali
44. Kerajaan Koying
45. Kerajaan Melayu-Jambi

Kerajaan Melayu di Sumatra Selatan

46. Kerajaan Sriwijaya
47. Kerajaan Palembang

Kerajaan Melayu di Lampung

48. Kerajaan Skala Brak
49. Kerajaan Tulang Bawang

Kerajaan Melayu di Bangka Belitung

50. Negeri Bangka-Belitung

Kerajaan Melayu di Kalimantan Barat

51. Kerajaan Sambas
52. Kerajaan Kadriah
53. Kerajaan Mempawah

Kerajaan Melayu di Kalimantan Selatan

54. Kerajaan Banjar

Kerajaan Melayu di Kalimantan Timur

55. Kerajaan Pasir
56. Kerajaan Kutai Kertanegara
57. Kerajaan Berau
58. Kerajaan Sambaliung
59. Kerajaan Gunung Tabur
60. Kerajaan Bulungan

Kerajaan Melayu di Brunei Darussalam

61. Kerajaan Brunei

Kerajaan Melayu di Sulawesi Selatan

62. Kerajaan Gowa
63. Kerajaan Bone
64. Kerajaan Luwu

Kerajaan Melayu di Sulawesi Tenggara

65. Kerajaan Buton

Kerajaan Melayu di Maluku

66. Kerajaan Tanah Hitu
67. Kesultanan Ternate
68. Kesultana Tidore

Kerajaan Melayu di Nusa Tenggara Barat

69. Kerajaan Lombok
70. Kerajaan Bima

Lampiran II



Rajah 2: Muka Depan Portal ATMA

SUDUT BERITA

***'A-LIEP 2011: Asia-Pacific Conference on Library & Information Education and Practice- Issues, Challenges and Opportunities'* pada 22 – 24 Jun 2011 di Pullman Hotel Lakeside, Putrajaya.**

Persidangan adalah anjuran bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan didokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan persidangan antarabangsa kali ke empat yang menjadi saluran kepada para peserta berbincang, berkongsi dan membahaskan isu-isu dan cabaran dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat terutama di rantau Asia-Pasifik. Sejak tahun 2006, 2007 dan 2009 persidangan A-LIEP telah berlansung di Singapura, Taiwan dan Jepun yang telah membawa kepada perubahan dan pembangunan setelah pelbagai isu diperbincangkan. Pada persidangan kali ini A-LIEP akan disertai oleh para ilmuan, penyelidik, pelajar, pekerja mahir dan individu yang berminat dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat melangkaui sempadan antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian pendidikan, kolaborasi, pertukaran idea, dan perkongsian maklumat melalui pembentangan kertas kerja, perbincangan dan pameran.

***'World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2011 (WCOMLIS)'* pada 16 – 17 November 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).**

Persidangan ini adalah anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kolaborasi Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menjadi saluran kepada para pustakawan dan saintis maklumat Islam untuk membincangkan sebarang masalah berkaitan maklumat dalam dunia Islam.

LELUHUR PERPUSTAKAAN ISKANDARIAH

'The very name of the Bibliotheca Alexandrina conjures up the image of glorious past, of a shared heritage, not just between Greece and Egypt, nor even of the whole Mediterranean, but a shared heritage for all of humanity. For it was indeed at the Ancient Library of Alexandria that the greatest adventure of the human intellect was to unfold.

2300 years ago, Alexander the Great, Aristotle's pupils, brought his dream of culture and conquest, of uniting the world and launching a new era to the timeless land of Egypt. Alexander selected the site for a new capital: Alexandria. His successors in Egypt, the Ptolemies, built Alexandria and made it the intellectual capital of the world. Its lighthouse, the Pharos, was considered one of the seven wonders of ancient world. But a greater legacy was the Ancient Library of Alexandria. Launched in 288 BC by Ptolemy I (Soter) under the guidance of Demetrius of Phaleron, the temple to the muses, or Mouseion (in Greek), or museum (in Latin) was part academy, part research center, and part library. The great thinkers of the age, scientists, mathematicians, poets from all civilizations came to study and exchange ideas. As many as 700,000 scrolls, the equivalent of more than 100,000 modern printed books, filled the shelves. The library was open to scholars from all cultures. Girls and boys studies regularly at the Ancient Library.

On this very spot: Aristarchus was the first person to state that the earth revolves around the sun, a full 1800 years before Copernicus. Eratosthenes proved that the earth was spherical and calculated its circumference with amazing accuracy, 1700 years before Columbus sailed on his epic voyage. Hipparchus established the first atlas of the stars and calculated the length of the solar year accurately to within 6.5 minutes. Callimachus the poet described the texts in the library organized by subject and author, becoming the father of the library science. Euclid wrote his elements of geometry, the basic text studied in schools all over the world even now. Herophylus identified the brain as the controlling organ of the body and launched a new era of medicine. Manetho chronicled the pharaohs and organized our history into the dynasties we use to this day. Zenodotus and the grammarians established the basics of literary scholarship with their meticulous definition of the Homeric text for the Iliad and Odyssey. And the list of great names and great achievement goes on and on.... Diophantes, Appolnius of Perga, Heron and visiting scholars such as Archimedes.... They and many others were all members of that amazing community of scholars, which mapped the heavens, organized the calendar, established the foundations of science and pushed the boundaries of our knowledge. They opened up the cultures of the world, established a true dialogue of civilizations. Indeed, it was at the ancient Library of Alexandria that 72 specialists first translated The Old Testament from Hebrew into Greek (the famous Septuagint). Together these scholars promoted rationality, tolerance and understanding and organized universal knowledge. For over six centuries the ancient of Alexandria epitomized the zenith of learning, as later scholars, such Claudius Ptolemy and Dioscoredes built on that explosion of knowledge and added their contributions. To this day it symbolizes the noblest aspiration of the human mind, global ecumenism, and the greatest achievement of the intellect. The library completely disappeared over sixteen hundred years ago...but it continues to inspire scientists and scholars everywhere.

The Bibliotheca Alexandrina was located in at least three buldings; (i) the original Museum in the royal district of the city, (ii) the additional building mostly for book storage, located on the harbor, and (iii) the "daughter Library" located in the Serapeum, the temple to

Serapis, cult god of Alexandria. The Serapeum was located in the southwest part of the city, the popular quarter. The library disappeared slowly, suffering a slow decline from the time of Caesar and Cleopatra. Indeed, the first disaster was in 48 B.C, when the part of the library located at the harbor was accidentally set afire during the Alexandrian war of Julian Caesar. However, Marc Anthony gave Cleopatra the 200,000 scrolls of Pergamon, to make up for the losses. Yet, subsequent upheavals within the Roman Empire resulted in the gradual neglect and ultimate destruction of the library. Roman armies came to Alexandria to restore order several times between 200 and 300 AD, and it was on one of those occasions, (probably the campaign of Aurelius in 272 AD) that the entire royal quarter and the original Museum were destroyed. Christianity was brought to Africa through Alexandria by St. Marc in the first century AD, and it was followed by merciless and brutal persecution of the Christians by the Roman in the first three centuries. Persecution ceased with the conversion of Constantine the Great, but schisms erupted in the church. Tensions were running high and tolerant church fathers such as Clement of Alexandria had to leave the city and his disciple Origen suffered much for his views. In 391 AD Emperor Theodosius issued a decree banning all religions other than Christianity and Christian Groups under Bishop Theophilus burnt the Serapeum in 391 AD. This was the end of the ancient library as a public institution. What remained were the scholars in uneasy co-existence with an increasingly militant Christian mob. Tragedy struck in 415 AD. Hypatia, daughter of Theon, last recorded scholar in Alexandria, herself the first woman in mathematics and astronomy, a Neo-Platonist philosopher and charismatic orator, was brutally murdered by the mob in 415 AD. She became the first martyr to science. Thus by 400 AD, the Library had vanished, and the era of Alexandria scholarship came to an end a few years later. It had thus disappeared over two centuries before the arrival of the Muslim Arab armies in 641 AD.

*But the memory of the ancient Library of Alexandria lived on. It continued to inspire scholars and humanists everywhere. Many dreamt of one day reviving the great Library...
(Ismail Serageldin, http://www.serageldin.com/ancient_Library.htm)*

PANDUAN PENULIS

Informika merupakan penerbitan tahunan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Untuk menggalakkan penyebaran pengetahuan dan idea dalam pelbagai disiplin berkaitan dengan peradaban informasi di kalangan akademik, sarjana, intelektual, pustakawan dan pekerja ilmu.
- Untuk membantu para akademik mengenengahkan hasil karya mereka samada berbentuk penyelidikan, esei, resensi buku dan seumpamanya.

Skop

Jurnal ini meliputi bidang-bidang berikut:

- Sains perpustakaan dan maklumat
- Pengurusan sistem maklumat
- Pengurusan rekod dan arkib
- Pengurusan pusat sumber maklumat
- Pengurusan pengetahuan
- Manuskrip dan koleksi khas
- Komunikasi dan media
- Pengajian masa depan (*Future studies*)
- Dunia buku dan penerbitan

Isi Kandungan

Jurnal ini mengandungi ruangan berikut:

- (a) Esei fokus
- (b) Esei umum
- (c) Nota penyelidikan/*research in progress*
- (d) Resensi buku
- (e) Rekayasaan (Esei yang menyarankan perubahan)
- (f) Refleksi (sekilas pandangan)

Kekerapan

Jurnal ini diterbitkan sekali setahun.

Tema Keluaran Akan Datang

Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar.

Penghantaran Artikel

Sila hantarkan sesalinan artikel ke alamat penerbit atau e-mel kepada ***shaharom@salam.uitm.edu.my*** atau ***wkadir@salam.uitm.edu.my*** sebelum 15 Oktober 2011.